

PM diminta bantu selesai masalah



DR. MAHATHIR

Pemborong dakwa kena sabotaj

PERDANA MENTERI Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diminta campurtangan menyelesaikan masalah-masalah yang menyebabkan sebahagian besar pemborong binaan Bumiputera Kelantan gagal menjalankan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga.

Satu memorandum telah dihantar kepada Jabatan Perdana Menteri dan salinannya kepada semua pihak berkaitan dengan tawaran pemborong binaan untuk diambil perhatian segera dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME).

Pengerusi Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera Kelantan, Haji Abdul Sallam Awang, berkata masalah-masalah yang sentiasa timbul di kalangan pemborong binaan Bumiputera secara tidak langsung dianggap sabotaj dari berbagai kalangan termasuk firma swasta, badan-badan yang mengeluarkan tender dan pembekal bahan-bahan binaan.

Tegasnya, sekiranya perkara ini berterusan semua pemborong binaan Bumiputera di seluruh negara dan Kelantan khususnya, akan lumpuh tidak dapat menjayakan projek-projek RME.

KOTA BHARU, Selasa

Dalam memorandum itu, kata Haji Sallam, disebut beberapa masalah besar menekan dan menghalang kejayaan pemborong-pemborong Bumiputera.

Sebarang hukuman atau denda yang dikenakan ke atas pemborong akibat projek pembinaan terbengkalai perlu dimansuh, kerana sebab-sebab berlaku ke-lambatan itu berpunca dari kos harga bahan binaan, pembekal enggan memberi hutang bahan-bahan utama binaan dan kelambatan bayaran progres dari pihak berkenaan.

Bahan binaan yang dihantar oleh pembekal kepada pemborong binaan Bumiputera sengaja dikurangkan dari jumlah pesanan, sebaliknya dihantar sepenuhnya kepada pemborong lain.

Akibat tindakan-tindakan mengenakan hukuman denda ke atas pemborong binaan setiap hari kerana lewat menyalpkan sesuatu projek binaan, menyebabkan pemborong Bumiputera

rugi lebih \$100,000 dan setengah-setengahnya terus bankrap.

Tindakan pihak berkuasa mengamalkan sistem membatalkan lesen kontrak patut dihentikan dan ada jalan lain yang boleh diselesaikan melalui perundingan.

Katanya, masalah ini akan dapat diatasi sekiranya Perdana Menteri campurtangan.

Haji Sallam yang juga Timbalan Yang Dipertua Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera Malaysia, berkata dalam Rancangan Malaysia Ketiga pemborong binaan Bumiputera di Kelantan mengalami kejayaan tidak sampai 30% sebagaimana yang dicita-citakan.

"Dengan campurtangan Datuk Seri Dr. Mahathir, masalah yang dianggap penghalang kepada kejayaan pemborong Bumiputera diharap tidak berulang dalam RME," ujarnya.

Menurut Haji Sallam, memorandum tersebut dihantar kepada pihak berkenaan sebulan lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia